



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya  
Tel :603-88832545  
Faks :603-8889 5542

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
SITUASI SEMASA KEJADIAN JANGKITAN *MIDDLE EAST  
RESPIRATORY SYNDROME CORONAVIRUS (MERS-CoV)* DI  
MALAYSIA**

Susulan kejadian satu (1) kes kematian yang disahkan dijangkiti MERS-CoV di Johor, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan di setiap peringkat. Aktiviti pengesanan kontak dan pemantauan masih dijalankan.

Sehingga 21 April 2014, **tiada kes baru dikesan dan tiada kluster jangkitan MERS-CoV** dilaporkan dari seluruh negara menjadikan jumlah kumulatif kekal sebagai satu (1) kes kematian. Tiada sampel baru diambil pada hari semasa dan semua kontak di bawah pengawasan berada dalam keadaan sihat.

KKM akan terus memantau situasi kejadian penyakit ini dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV boleh diperolehi dari laman sesawang <http://www.moh.gov.my>.

Sekian dan terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 April 2014